

# **ENAKMEN TAFSIRAN DAN FASAL-FASAL AM 1963**

# **TUJUAN ENAKMEN TAFSIRAN DAN FASAL-FASAL AM 1963**

- untuk mentafsir terma dan ungkapan tertentu yang digunakan dalam Undang-Undang Negeri dan dokumen awam;
- bagi memperuntukkan suatu kuat kuasa, pemakaian, binaan dan operasi Undang-Undang Negeri;
- bagi memperuntukkan suatu perkara yang berhubung dengan pelaksanaan kuasa dan fungsi statutori; dan bagi apa-apa perkara yang berhubung dengan tafsiran.

## **ADAKAH ENAKMEN INI TERPAKAI UNTUK UNDANG-UNDANG PERSEKUTUAN?**

- Enakmen ini hanya terpakai di Sabah dan tidak terpakai untuk undang-undang Persekutuan.

# Pemakaian

- Enakmen ini hendaklah terpakai kepada Enakmen ini dan kepada semua undang-undang Negeri Sabah yang sedang berkuat kuasa yang kemudiannya ditakrifkan, beroperasi pada permulaan kuat kuasa Enakmen ini, dan kepada tiap-tiap suratcara yang dibuat atau dikeluarkan di bawah atau menurut kuasa undang-undang sedemikian, dan kepada tiap-tiap dokumen awam yang dibuat atau dikeluarkan sebelum atau selepas permulaan itu, melainkan niat yang berlawanan undang-undang bertulis, instrumen atau dokumen yang berkenaan.

## “PENYAMPAIAN MELALUI POS”

- Penyampaian melalui pos adalah suatu penyampaian yang dibenarkan oleh mana-mana undang-undang Negeri bagi suatu dokumen disampaikan melalui pos, samada untuk maksud menyampaikan atau memberi atau menghantar atau apa-apa maksud lain yang digunakan untuk menyampaikan dengan pos melainkan jika diperuntukkan dalam undang-undang yang berkenaan bahawa penyampaian itu bolehlah dikatakan efektif jika ianya disampaikan ke alamat yang tertera, dengan membayar/setem dan dengan pos surat mengandungi dokumen, dan melainkan dibuktikan, menjadi efektif pada masa yang mana surat itu dipercayai disampaikan dengan perjalanan biasa pos. (s.3)

# ENAKMEN

- Enakmen merupakan suatu Enakmen yang digubal oleh Perundangan Negeri dan termasuklah Ordinan. (s.3)

# PERUNDANGAN SUBSIDIARI

- Undang-undang subsidiari merupakan mana-mana perintah, perisytiharan, kaedah, peraturan, perintah, notis, undang-undang kecil atau suratcara lain yang dibuat di bawah mana-mana Enakmen atau pihak berkuasa sah lain dan mempunyai kuat kuasa perundangan dalam sesuatu Negeri. (s.3)

# AKUAN BERKANUN

- Akuan berkanun, jika dibuat dalam Negeri, bermaksud suatu pengisytiharan yang dibuat di bawah Akta Akuan Berkanun 1960 (Akta 13);
- jika dibuat dalam Persekutuan diluar Negeri, ertinya suatu perisytiharan yang dibuat mengikut peruntukan mana-mana undang-undang yang terpakai dan berkuat kuasa di tempat itu di mana akuan berkanun itu dibuat; dalam mana-mana bahagian negara-negara merdeka diluar Persekutuan ertinya suatu pengisytiharan dibuat dihadapan jaksa pendamai, notari awam, pesuruhjaya sumpah atau orang yang mempunyai kuasa padanya di bawah mana-mana undang-undang yang berkuat kuasa pada masa itu untuk mengambil atau menerima suatu pengisytiharan;
- dalam mana-mana tempat lain, ertinya suatu perisytiharan yang dibuat dihadapan pegawai konsuler Persekutuan atau British. (s.3)



# HARTA TAK ALIH

- harta tak alih termasuklah tanah, apa-apa hasil daripada tanah dan benda yang terletak pada bumi atau terletak secara tetap pada apa-apa benda yang terletak pada bumi itu.  
(s.3)

# ORDINAN

- Ordinan merupakan mana-mana Ordinan atau perisytiharan yang berkuat kuasa seperti Ordinan, yang berkuat kuasa di Negeri Sabah sebelum Malaysia.